

Harian Metro 22 February 2017

## Perlindungan RM300,000

## Skim takaful bagi jemaah umrah, haji beri kelebihan termasuk biaya kos rawatan

Muhammad Saufi Hassan saufi@hmetro.com.my

## **Kuala Lumpur**

umlah perlindungan disediakan sehingga RM300,000 untuk jemaah umrah dan haji bagi menghadapi sebarang kemungkinan ketika menunaikan ibadat berkenaan termasuk kos pembiayaan rawatan.

Itu skim perlindungan takaful baru bagi jemaah yang menunaikan ibadat haji serta umrah hasil kerjasama Bank Persatuan Malaysia Berhad (Co-opbank Persatuan) dengan Sun Life Malaysia Takaful Bhd.

Pengerusi Co-opbank Persatuan Datuk Yusra Sabar berkata, skim takaful itu menawarkan pelan perlindungan bermula RM125 dengan jumlah perlindungan sehingga RM300.000.

"Skim takaful yang dilaksanakan ini sudah mendapat kelulusan Suruhanjaya Ko-

perasi Malaysia (SKM) dan ini juga antara kaedah persatuan untuk me-

ngembangkan produk serta perkhidmatan.

"Jemaah yang mengambil pelan takaful ini mendapat kelebihan iaitu daripada aspek nilai perlindungan takaful yang diambil," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Pada masa sama, Co-opbank Persatuan memperkenalkan pelan takaful itu kepada jemaah haji dan umrah dengan kerjasama Sun Life Malaysia Takaful Bhd.

Pelancaran skim takaful itu dirasmikan Timbalan

> Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agong.

Sementara itu,
Henry dalam
ucapannya memaklumkan bahawa
kolaborasi serta sokongan
syarikat besar terhadap
gerakan koperasi adalah
tindakan yang sangat bijak
dalam menjana ekonomi.

Menurutnya, pembabitan Co-opbank Persatuan harus sentiasa agresif dan memastikan perubahan transformasi dapat dilihat dengan jelas.

## FAKTA

Skim takaful yang dilaksanakan mendapat kelulusan SKM